



Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0028 (13)
Tarikh : 29 Ogos 2024

POH CHUAN CONSTRUCTION ENGINEERING

SB 72, Jalan Lahat,
31650 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Khong Mei Hang)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN MEMBINA 2 BLOK BANGUNAN KOMERSIL SATU
TINGKAT DI ATAS LOT 351378, PERSIARAN ZARIB 3, TMN PINJI
MEWAH, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL
RIDZUAN UNTUK TETUAN PASARAYA KU SDN BHD.**

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan Izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 5100.00 seperti yang di muatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga : QT-08-0028)
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 300.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bak Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan terbuka adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan compactor (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.
vii.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.





Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0028 (13)
Tarikh : 29 Ogos 2024

PROJEK / KERJA : CADANGAN MEMBINA 2 BLOK BANGUNAN KOMERSIL SATU TINGKAT DI ATAS LOT 351378, PERSIARAN ZARIB 3, TMN PINJI MEWAH, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN PASARAYA KU SDN BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA QT-08-0028 bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan MBI dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.





Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0028 (13)
Tarikh : 29 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : CADANGAN MEMBINA 2 BLOK BANGUNAN KOMERSIL SATU
TINGKAT DI ATAS LOT 351378, PERSIARAN ZARIB 3, TMN PINJI
MEWAH, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL
RIDZUAN UNTUK TETUAN PASARAYA KU SDN BHD.**

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusyiklan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Mohd Shahrul Azri Bin Mohamed Nor** di talian **016-3858654** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/20082024/Kamarul/Azri

s.k :



Pengarah Kejuruteraan Bandaraya
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

